

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, November 12, 2019 3:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dialog Bersama Duta Tingkat Kefahaman Hubungan Dua Hala Malaysia-Kemboja



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2019 / 15 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA CAS

DIALOG BERSAMA DUTA TINGKAT KEFAHAMAN HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-KEMBOJA



UUM ONLINE: Kemboja - Seramai 22 pelajar Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) dan kakitangan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) UUM telah berpeluang untuk berdialog dengan Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Tuan Yang Terutama (TYT) Eldeen Husaini Mohd Hashim berkaitan isu-isu hubungan dua hala kedua-dua negara, baru-baru ini.

Dialog yang berlangsung selama 1 jam telah diadakan di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh yang turut disertai oleh Setiausaha Pertama (First Secretary) Kedutaan, Rizam Razman.

Dekan PPA CAS, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, beliau berterima kasih kepada TYT Duta Besar Malaysia kerana meluangkan masa dalam sesi dialog bersama mahasiswa UUM walaupun sibuk dengan jadual yang ketat.

"Lawatan dan dialog dengan Duta Besar Malaysia ke Kemboja ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang fungsi dan peranan pejabat kedutaan berkaitan hubungan dua hala.

“Di samping itu, delegasi UUM juga dapat mempelajari peluang-peluang yang ada di Kemboja dari aspek kerjasama dalam bidang pendidikan,” katanya.

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Eldeen Husaini Mohd Hashim berkata, beliau sangat mengalukan kedatangan delegasi UUM ke Kemboja dan ke pejabat kedutaan.

Menurutnya, terdapat empat fungsi utama pejabat kedutaan Malaysia di Kemboja iaitu tugas kedutaan adalah untuk mempertahankan kedaulatan negara, meletakkan nama Malaysia di Kemboja melalui promosi pelancongan, perdagangan dan pelajaran, mempertahankan polisi negara dari dikritik atau ditentang kerana tidak semua polisi Malaysia dapat diterima dan keempat, menjaga kebajikan rakyat Malaysia di Kemboja seperti kematian, perjanjian perniagaan dan lain-lain.

“Selain perdagangan, aktiviti sukarelawan adalah antara yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia ke Kemboja. Pelbagai organisasi, NGO dan mahasiswa universiti sering datang ke sini kerana sikap prihatin rakyat Malaysia terhadap golongan yang memerlukan.

“Usaha UUM membawa bantuan dan aktiviti sukarelawan sangat bagus dan saya menyokong usaha ini kerana UUM menyalurkan sumbangan terus kepada masyarakat yang memerlukan,” katanya.

Beliau berkata, sumbangan dalam bidang pendidikan sangat dialu-alukan agar dapat mengubah sikap dan persepsi masyarakat Muslim Kemboja yang serba kekurangan.

Menurutnya, mahasiswa bidang Psikologi dan Kaunseling boleh membantu melalui program intervensi bagi mengubah pemikiran masyarakat untuk maju ke hadapan.

Dalam keghairahan mengadakan misi kemanusiaan di Kemboja, beliau juga mengingatkan rakyat Malaysia agar berhati-hati dengan orang tengah bagi mengelakkan penipuan.

Katanya, pejabat kedutaan sering menerima laporan hasil sumbangan yang disalahgunakan oleh orang tengah.

Kemudian, delegasi UUM dibawa melawat sekitar kawasan kedutaan yang dikatakan paling cantik berbanding di negara-negara lain kerana lokasinya yang terletak di tebing Sungai Bassac yang mengalir masuk ke Sungai Mekong.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Dekan, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin dan Penyelaras Praktikum, Dr. Hammuzamer Irwan Hamzah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or

use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.